



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
23 Disember 2021**

PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.00 SEN UNTUK ASB

Pembayaran sebanyak RM8.9 bilion memanfaatkan 10.4 juta pemegang unit

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) hari ini mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021).
- Pembayaran sebanyak RM8.9 bilion itu merangkumi pengagihan pendapatan 4.25 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit yang memanfaatkan 10.4 juta pemegang unit.
- ASB berjaya mengekalkan pengagihan pendapatan yang kompetitif, mengatasi penanda arasnya iaitu kadar Deposit Tetap 12 bulan yang mencatatkan kadar pulangan sebanyak 1.85%.
- Prestasi menggalakkan ini didorong oleh strategi kepelbagaian berterusan dana yang telah menjana prestasi kukuh hasil daripada pelaburan ekuiti global dengan pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah.
- Unit dalam Edaran ASB meningkat kepada 181.2 bilion tahun ini manakala bilangan pemegang unit bertambah sebanyak 200,000 menjadikan jumlah keseluruhan mencecah 10.4 juta, mencerminkan kepercayaan berterusan rakyat Malaysia terhadap dana ASB.

Kuala Lumpur, 23 Disember 2021: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021).

ASNB mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit untuk dana ASB, yang merangkumi pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit dan bonus sebanyak 0.75 sen seunit. Pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM8.9 bilion ini akan memanfaatkan 10.4 juta pemegang unit ASB. Ini menjadikan jumlah pengagihan pendapatan terkumpul dan bonus ASB yang telah diagihkan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1990 kesemuanya sebanyak RM168.5 bilion.

ASB mencatatkan prestasi positif di sebalik keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu, serta kemunculan varian baharu COVID-19 dan peningkatan kes baharu sepanjang tahun yang memperlakukan pemulihan ekonomi global.

FBM KLCI merekodkan prestasi -7.80 % tahun ini setakat 22 Disember 2021. Bagi rantau ini, MSCI Asia Tenggara mencatatkan -5.16% manakala CSI 300 China memberikan pulangan -5.70%. Indeks utama global pula menunjukkan prestasi lebih baik yang mana S&P 500 dan FTSE 100 masing-masing mencatat pulangan sebanyak 25.0% dan 13.6%.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, "Kami bersyukur usaha berterusan dalam strategi kepelbagaian dan pengukuhan portfolio kami telah membawa hasil positif. Prestasi pelaburan ekuiti global yang lebih kukuh telah berjaya mengurangkan kesan pasaran domestik yang mencabar. Ini menunjukkan betapa pentingnya strategi kepelbagaian dalam mengurus risiko portfolio untuk menjana pulangan yang mampan."

Peruntukan pelaburan antarabangsa ASB meningkat daripada 5.9% pada 2020 kepada 8.2% tahun ini. Ekuiti awam antarabangsa menyumbang sebanyak 30.7% kepada pendapatan kasar pada 2021 berbanding 24.2% tahun lepas.

"Alhamdulilah, pengagihan pendapatan ASB pada tahun ini kekal kompetitif hasil usaha dan dedikasi pasukan pelaburan kami. Kadar pengagihan pendapatan sebanyak lima sen seunit ini adalah 315 mata asas lebih tinggi berbanding Deposit Tetap 12-bulan yang kadar semasanya ialah 1.85%," tambah Tun Arifin.

Jumlah akaun ASB bertambah sebanyak hampir 200,000 kepada 10.4 juta, manakala unit dalam edaran meningkat sebanyak 7.4 bilion atau 4.3% kepada 181.2 bilion unit.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, "Walaupun dalam persekitaran yang mencabar, kami berbesar hati mendapati bilangan rakyat Malaysia yang melabur dengan kami, serta jumlah pelaburan mereka terus meningkat. Kami amat menghargai kepercayaan berterusan yang diberikan oleh pemegang unit kami dan akan berusaha memenuhi mandat PNB untuk terus menjana pulangan yang mampan."

PNB telah menunjukkan daya tahannya dalam mengharungi ketidaktentuan tahun 2021, mencatatkan prestasi kewangan yang membanggakan. Untuk 11 bulan pertama tahun kewangan, jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB telah meningkat sebanyak 4.9% kepada RM338.4 bilion, mencerminkan kepercayaan berterusan oleh pemegang unitnya. Dalam usaha memperkuuh strategi Focus 4 pada tahun ini, PNB telah mencapai kemajuan yang ketara dalam tiga bidang tumpuan iaitu mencipta nilai dalam prestasi portfolio

domestiknya, meneruskan usaha kepelbagaian ke dalam pasaran global menerusi kelas aset yang berbeza, dan mempercepatkan peningkatan perkhidmatan melalui pendigitalan.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 270 bilion dan melebihi 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Amanah Saham Bumiputera (ASB) telah dilancarkan oleh ASNB pada 2 Januari 1990. Objektif pelaburannya adalah untuk menjana pulangan jangka panjang, konsisten dan berdaya saing kepada pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

DANA HARGA TETAP



KADAR PENGAGIHAN

5.00
sen seunit

JUMLAH PENGAGIHAN

RM 8.9
BILION

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

DANA HARGA TETAP

**Mengatasi Penanda Aras
Sebanyak 3.15%**


5.00%

315 mata asas



1.85%

**Deposit Tetap¹
12-Bulan**



Nota:

1 Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 20 Disember 2021

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021


DANA HARGA TETAP

Peningkatan Pemegang Akaun dan Unit Pelaburan

Jumlah Pemegang Akaun



Jumlah Unit Dalam Edaran



Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.